

# Lebanon sambut baik penyertaan Malaysia

UM - 17/8/2006

BEIRUT 16 Ogos - Presiden Lebanon, Jen. Amile Lahoud pada dasarnya sudah bersetuju menerima kehadiran tentera Malaysia dalam pasukan tentera pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi memantau gencatan senjata antara Israel dan pejuang Hizbullah di selatan Lebanon.

Beliau berkata, Malaysia dialu-alukan ke negara itu di bawah payung misi tentera pengaman PBB kerana Malaysia tidak mempunyai sebarang agenda terselindung, kecuali memastikan keamanan dan kestabilan Lebanon.

"Anda adalah dari negara sahabat, anda sentiasa dialu-alukan," katanya semasa mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar di Istana Presiden di sini.

Syed Hamid yang mengetuai delegasi dari Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke sini, dijadualkan menemui Perdana Menteri Lebanon, Fouad Siniora dalam

kunjungan mereka.

Turut tersenarai dalam agenda perbincangan itu adalah pelaksanaan rancangan tujuh perkara yang dipersetujui semasa persidangan khas OIC yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Antara yang terkandung dalam rancangan tujuh perkara itu ialah pembebasan tahanan Lebanon dan Israel, pengunduran tentera Israel dan penghantaran pasukan tentera pengaman PBB ke selatan Lebanon.

Turut sama dalam perbincangan itu ialah Menteri Luar Pakistan, Mian Khurshid Mahmud Kasuri dan Naib Menteri Hal Ehwal Luar Qatar, Muhammed Abdullah Mutib Al-Rumaihi.

Amile menjelaskan kepada Syed Hamid bahawa kerajaan Lebanon sudah menghantar pasukan tenteranya ke bahagian selatan negara bagi memastikan kestabilan dan keamanan terpelihara ekoran gencatan senjata Isnin lalu.

Bagaimanapun beliau tidak menetapkan tarikh pasukan pengaman PBB boleh dihantar ke dalam negara untuk memantau gencatan itu.

Amile juga berharap 15,000 anggota pasukan pengaman PBB itu nanti dipilih dengan sama rata, bermakna 1,000 petugas dari setiap negara.

"Sekiranya ada ketidakseimbangan dalam pemilihan anggota, ia akan mengakibatkan timbul kepentingan sendiri yang boleh mengeruhkan proses gencatan senjata," tambahnya.

Majlis Keselamatan PBB Jumaat lalu sebulat suara menerima resolusi yang menggesa gencatan senjata. Ia sekaligus memberi kebenaran kepada sehingga 13,000 anggota tentera bagi menambah lagi kekuatan 2,000 anggota Pasukan Pengaman Sementara PBB (UNIFIL) yang sudah sedia ada di Lebanon.